

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA           : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN       : LISAN**

**TARIKH           : 08.03.2016**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pengguna Sunway-BRT pada bulan Julai 2015 hingga ke Februari 2016 dan sama ada pertimbangan sedang dibuat untuk menurunkan tambang untuk Sunway-BRT.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan *Bus Rapid Transit (BRT)* Sunway melibatkan laluan khusus bas (*dedicated bus lanes*) sepanjang 5.4 kilometer di kawasan Bandar Sunway dan USJ. Ia

merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam untuk kemudahan dan keselesaan pengguna.

Sejak beroperasi pada Julai 2015 sehingga Januari 2016, perkhidmatan BRT Sunway telah mencatat jumlah pengguna sebanyak 326,758 orang (Julai 2015), 390,037 orang (Ogos 2015), 143,107 orang (September 2015), 127,858 orang (Oktober 2015), 121,398 orang (November 2015), 116,127 orang (Disember 2015) dan 118,883 orang (Januari 2016). Jumlah pengguna bagi bulan Februari 2016 sedang dikemas kini.

Mengenai pertimbangan sama ada kadar tambang akan diturunkan atau sebaliknya, buat masa ini kadar tambang BRT Sunway masih kekal mengambil kira ia baru sahaja memulakan operasi. Namun demikian, Kerajaan dari semasa ke semasa tidak menolak kemungkinan untuk menyemak semula kadar tambang pengangkutan awam secara menyeluruh sekiranya perlu dan tidak terhad kepada perkhidmatan BRT Sunway sahaja.